Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)
Vol 7(1), 2025
eISSN: 2590-3942
Published by UiTM Press
Managed by Center for Islamic Philanthropy & Social Finance
Journal homepage: https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/JIPSF

PERANAN MASYARAKAT DAN KERAJAAN DALAM MEMPERKUKUH KEHARMONIAN NEGARA

(THE ROLE OF SOCIETY AND GOVERNMENT IN STRENGTHENING NATIONAL HARMONY)

Nur Syafiqah Sallehudin[a], Syahrul Haizat Azizan[b], Zulkarnain Musa[c], Muhammad Ariffuddin Mahmud[d] & Noor Aziera Mohamad Rohana[e*]

[a]UiTM Mitrans, Malaysia, 2023425854@student.uitm.edu.my
[b]UiTM Mitrans, Malaysia, 2023215546@student.uitm.edu.my
[c]UiTM Mitrans, Malaysia, 2023870812@student.uitm.edu.my
[d]UiTM Mitrans, Malaysia, 2023699492@student.uitm.edu.my
[*]UiTM Melaka, Malaysia, aziera7863@uitm.edu.my
[*]Corresponding Author

ARTICLE INFO

Received:
18/12/2024
Received In Revised Form:
10/03/2025
Accepted:
11/03/2025
Published:
20/03/2025

Keywords:
Perpaduan nasional;
isu 3R;
kontrak sosial;
Akta Hasutan 1948;
keharmonian sosial

DOI:
10.24191/JIPSF/v7n12025_41-53

Abstrak

Artikel ini membincangkan isu 3R (Kaum, Agama dan Institusi Diraja) yang menjadi cabaran utama dalam mengekalkan keharmonian di Malaysia, sebuah negara berbilang kaum dan agama. Sejarah penjajahan British telah mewariskan dasar "pecah dan perintah," yang membentuk pemisahan kaum berdasarkan peranan ekonomi dan lokasi geografi, menghasilkan ketegangan antara etnik. Selepas merdeka, Malaysia memperkenalkan dasar seperti kontrak sosial dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mengimbangi ketidakseimbangan sosioekonomi, namun isu perkauman tetap menjadi subjek kontroversi. Peranan kerajaan termasuk penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 dan pelaksanaan program perpaduan seperti Rukun Tetangga. Masyarakat pula berperanan melalui pendidikan sosial, penggunaan media sosial yang bertanggungjawab dan penglibatan aktif dalam program komuniti untuk memupuk persefahaman antara kaum. Pendekatan holistik yang melibatkan undang-undang, dialog antara agama dan usaha sukarelawan disarankan untuk menyokong perpaduan nasional. Artikel ini menegaskan bahawa keharmonian di Malaysia memerlukan kerjasama erat antara kerajaan dan masyarakat untuk memastikan kepelbagaian budaya dan agama menjadi asas kekuatan negara.

Abstract

This article discusses the 3R issues (Race, Religion, and Royal Institution) that pose major challenges in maintaining harmony in Malaysia, a multi-racial and multi-religious country. The history of British colonization has bequeathed the principle of "divide and rule," which shaped ethnic divisions based on economic roles and geographical locations, resulting in ethnic tensions. After independence, Malaysia introduced policies such as the social contract and the New Economic Policy (NEP) to address socioeconomic imbalances, yet racial issues remain a subject of controversy. The role of the government includes the enforcement of laws such as the Sedition Act 1948 and the implementation of unity programs such as Neighborhood Watch. The community also plays a role through social education, responsible use of social media, and active involvement in community programs to foster understanding between races. A holistic approach involving legislation, interfaith dialogue, and volunteer

efforts is recommended to support national unity. This article emphasizes that harmony in Malaysia requires close cooperation between the government and society to ensure that cultural and religious diversity becomes the foundation of the nation's strength.

Keywords: National unity, 3R issues, social contract, Sedition Act 1948, social harmony.

PENGENALAN


Isu kaum, agama dan institusi Diraja (3R) di Malaysia menjadi topik sensitif yang kerap menimbulkan perbincangan dalam kalangan masyarakat. Sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan agama, isu-isu berkaitan perkauman, agama dan institusi diraja sering kali menguji kekuatan perpaduan nasional. Kepentingan menjaga keharmonian ini bukan sahaja menjadi tanggungjawab kerajaan, tetapi juga masyarakat (Shamsul, 2014). Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana masyarakat dan kerajaan dapat bekerjasama dalam mengekalkan keharmonian negara melalui pendekatan terhadap isu 3R.

3R Dalam Sejarah Malaysia

Sejarah Malaysia amat berkait rapat dengan tiga elemen, iaitu Kaum, Agama dan Diraja. Ketiga-tiga elemen ini telah membentuk identiti negara dan memainkan peranan penting dalam perkembangan politik, sosial, serta budaya Malaysia dari zaman penjajahan hingga ke hari ini.

Impak Penjajahan British Terhadap Sensitiviti Kaum, Agama dan Institusi Diraja

Sejarah Malaysia memainkan peranan penting dalam membentuk sensitiviti masyarakat terhadap isu-isu berkaitan kaum, agama dan institusi diraja. Pada era penjajahan British, strategi "pecah dan perintah" digunakan untuk mengawal populasi berbilang kaum di Tanah Melayu. Strategi ini memisahkan kumpulan etnik seperti Melayu, Cina dan India berdasarkan peranan ekonomi dan lokasi geografi. Kaum Melayu ditempatkan di kawasan luar bandar untuk bekerja dalam sektor pertanian, kaum Cina di bandar untuk sektor perlombongan dan perniagaan, manakala kaum India ditempatkan di ladang-ladang. Sistem ini tidak hanya mengakibatkan segregasi tetapi juga mengehadkan interaksi antara kaum, mengakibatkan pemisahan budaya serta agama dan kesan terhadap sosio-ekonomi yang ketara (Shamsul, 2014).



Rajah 1. Pembahagian ekonomi berdasarkan kaum pada era penjajahan British sebagai asas kepada isu hubungan etnik di Malaysia (Shamsul, 2014).


Kajian Amat et al. (2014) menunjukkan bahawa dasar penjajahan meninggalkan kesan mendalam terhadap hubungan antara kaum dan kepekaan agama di Malaysia moden. Segregasi ini juga mengekalkan perbezaan budaya yang membawa kepada perkembangan identiti tersendiri bagi setiap

kaum. Ini memperlihatkan bagaimana dasar penjajahan yang membentuk landskap etnik dan sosio-ekonomi masih mengekalkan sensitiviti yang tinggi, terutamanya dalam konteks hubungan antara kaum dan agama yang kompleks di Malaysia (Meerangani et al., 2024).

KONTRAK SOSIAL ASAS KEHARMONIAN KAUM

Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia mengamalkan satu bentuk "kontrak sosial" sebagai penyelesaian kompromi antara kaum. Dalam konteks ini, hak-hak keistimewaan diberikan kepada kaum Bumiputera yang terdiri daripada kaum Melayu dan peribumi Sabah serta Sarawak, manakala kaum bukan Bumiputera seperti Cina dan India diberi hak kewarganegaraan dan kebebasan mengamalkan agama serta budaya masing-masing. Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan jaminan hak-hak istimewa bagi kaum Bumiputera dalam bidang pendidikan, pekerjaan dan biasiswa sebagai usaha menangani ketidakseimbangan ekonomi dan sosial antara kaum yang diwarisi sejak zaman penjajahan (Ismail, 2018).

Namun begitu, kontrak sosial ini tidak terkecuali daripada menjadi isu serta subjek perdebatan. Sesetengah pihak berpendapat bahawa kontrak sosial ini mengekang peluang yang adil dan kompetitif bagi kaum bukan Bumiputera, manakala yang lainnya berpendirian tegas tentang kepentingannya dalam memperbetulkan ketidakseimbangan sejarah. Ketegangan ini kadang-kala digunakan untuk kepentingan politik sehingga menimbulkan isu-isu ketidakpuasan hati yang boleh mengancam perpaduan negara (Hamayotsu, 2015). Perspektif ini menunjukkan betapa pentingnya keperluan memahami kontrak sosial sebagai sebuah mekanisme keseimbangan yang dinamik dan terus berkembang untuk mengekalkan keharmonian antara kaum.



Rajah 2. Komposisi populasi etnik di Malaysia berdasarkan sensus terkini (Shamsul, 2014).

Peristiwa 13 Mei 1969: Titik Gelap Negara

Sebuah peristiwa rusuhan kaum telah berlaku pada 13 Mei 1969 dan menjadi titik gelap dalam sejarah negara Malaysia. Iktibar besar daripada rusuhan ini menunjukkan bahawa ketegangan kaum berpotensi mencetuskan sebuah krisis besar bagi sesebuah negara. Rusuhan ini berpunca susulan daripada keputusan Pilihan Raya Umum 1969 yang menyaksikan kemenangan parti pembangkang diketuai oleh kaum bukan Melayu di beberapa kerusi utama. Rusuhan ini menunjukkan bahawa isu ekonomi, politik dan sosial boleh mempengaruhi ketegangan kaum yang telah lama berakar umbi dalam sejarah penjajahan dan sistem ekonomi yang membahagikan kaum mengikut peranan tertentu (Shamsul, 2014).

Sebagai respons kepada peristiwa ini, kerajaan menubuhkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) dan memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. DEB bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan tanpa mengira kaum serta menyusun semula struktur ekonomi negara. Meskipun DEB mencapai kejayaan dalam mengurangkan jurang ekonomi, namun tetap juga menjadi topik kontroversi apabila terdapat pandangan bahawa ia memberikan kelebihan kepada kaum Bumiputera. Walaupun usaha ini dilihat sebagai satu mekanisme untuk mengimbangi kedudukan sosio-ekonomi, namun pada

masa yang sama tetap juga mencetuskan perasaan tidak puas hati dalam kalangan kaum bukan Bumiputera (Ghani & Awang, 2017; Amat et al., 2014).

Institusi Diraja Simbol Perpaduan

Institusi diraja Malaysia memainkan peranan unik dalam aspek politik dan sosial negara. Sistem monarki berperlembagaan yang terdiri daripada sembilan raja Melayu dianggap sebagai simbol perpaduan serta keabsahan politik di Malaysia. Raja-raja Melayu berfungsi sebagai ketua agama Islam di negeri masing-masing dan pelindung hak-hak istimewa Bumiputera, termasuk kaum Melayu. Justeru itu, sebarang kritikan melibatkan institusi diraja dianggap sebagai isu sensitif yang boleh mengganggu kestabilan negara. Akta Hasutan 1948 digubal bagi melindungi martabat institusi diraja daripada sebarang penghinaan atau kritikan yang dianggap mengancam keharmonian (Hamayotsu, 2015; Chin, 2017).

Peranan institusi diraja bukan sahaja berkisar kepada isu agama, tetapi juga berkait dengan perlindungan hak istimewa Melayu, yang menambah dimensi sensitiviti dalam perbincangan awam. Kesedaran terhadap sensitiviti institusi diraja ini adalah penting untuk memastikan perbincangan yang adil dan harmoni dalam kalangan rakyat Malaysia (Aljunied, 2019).

Kebijaksanaan sebagai Langkah Menangani Isu 3R

Latar belakang sejarah dan sosio-politik Malaysia yang kompleks memperlihatkan punca isu-isu berkaitan kaum, agama dan institusi diraja sering berlaku, relevan bahkan sensitif sehingga ke hari ini. Meskipun kerajaan telah memperkenalkan pelbagai dasar dan usaha untuk memperkukuhkan keharmonian antara kaum, namun isu-isu ini terus menjadi cabaran terhadap negara. Peristiwa seperti rusuhan 13 Mei 1969 serta perdebatan mengenai hak-hak istimewa kaum Bumiputera menekankan bahawa perlunya kebijaksanaan dalam menangani isu-isu 3R (Hamayotsu, 2015; Heng, 2017).

TANGGUNGJAWAB MASYARAKAT KE ARAH MEMPERKUKUH KEHARMONIAN SOSIAL

Keharmonian sosial bergantung kepada amalan bermasyarakat bagi memastikan kebersamaan hidup dalam suasana yang aman dan saling menghormati. Bagi masyarakat berbilang kaum, usaha untuk memperkukuh perpaduan adalah kunci utama untuk mengekalkan keharmonian sosial yang berpanjangan.

Pendidikan Kunci Keharmonian

Masyarakat Malaysia sebagai kelompok yang hidup dalam kepelbagaian budaya, agama dan etnik bertanggungjawab dalam mengekalkan keharmonian negara. Isu-isu berkaitan kaum, agama dan institusi diraja amat sensitif kerana ia menyentuh aspek identiti serta emosi mendalam setiap individu di negara ini. Sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, pemahaman terhadap sensitiviti ini adalah langkah pertama yang penting dalam membina suasana yang harmoni dan inklusif (Aljunied, 2019). Tanggungjawab ini tidak hanya terletak di bahu pemimpin atau kerajaan sahaja, tetapi juga perlu dipikul oleh setiap lapisan masyarakat.

Antara langkah utama yang proaktif melibatkan masyarakat adalah melalui pendidikan sosial yang berterusan. Pendidikan bukan sahaja berlaku di bilik darjah, tetapi juga dalam keluarga, komuniti dan platform awam. Sistem pendidikan formal di Malaysia, terutamanya menerusi subjek Pendidikan Sivik dan Moral memperkenalkan pelajar kepada nilai-nilai toleransi, saling hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum (Ahmad, 2019). Kurikulum ini bertujuan untuk membina empati dan penghormatan terhadap adat resam dan agama kaum lain dengan harapan dapat membentuk generasi yang lebih memahami kepentingan perpaduan nasional.

Sebagai contoh, dalam Pendidikan Sivik dan Moral, murid-murid diajar menghargai kepelbagaian etnik dan budaya Malaysia, menghormati perayaan keagamaan kaum lain serta memahami peranan institusi

diraja dalam mengekalkan kestabilan dan keharmonian negara. Asuhan nilai-nilai ini adalah asas kepada perpaduan negara kerana generasi muda yang memahami pentingnya hubungan antara kaum dan agama akan lebih cenderung menghindari ucapan atau tindakan yang berpotensi menyinggung perasaan kumpulan lain (Meerangani et al., 2024).

Tanggungjawab terhadap Etika Digital

Di era digital ini, media sosial berperanan besar dalam kehidupan seharian di mana maklumat dan pandangan dapat disebarkan dengan cepat dan meluas melalui platform seperti Facebook, Twitter dan Instagram. Walaupun media sosial memudahkan komunikasi dan akses kepada maklumat, ia juga berpotensi menjadi cabaran besar terutamanya dalam hal penyebaran maklumat palsu serta kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum, agama, dan institusi diraja (Hamayotsu, 2015).

Masyarakat mempunyai tanggungjawab besar dalam menggunakan media sosial secara bijak dan bertanggungjawab. Penyebaran berita palsu atau kenyataan berunsur perkauman dan penghinaan agama boleh mencetuskan ketegangan antara kaum, mengancam perpaduan dan menimbulkan kebimbangan yang tidak berasas. Sebagai contoh, pada Pilihan Raya Umum 2018, terdapat beberapa insiden penyebaran maklumat palsu di media sosial yang bertujuan untuk mencetuskan ketegangan kaum dan politik. Insiden-insiden ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan media sosial boleh membawa kesan yang berbahaya kepada kestabilan negara (Rahman, 2016).

Sebagai respons kepada cabaran ini, kerajaan telah memperkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk mengawal penyebaran berita palsu dan kenyataan berunsur provokatif di media sosial. Walau bagaimanapun, undang-undang sahaja tidak mencukupi tanpa kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab dalam menjaga keharmonian. Sikap kritis terhadap kesahihan berita dan cara berkomunikasi yang beradab adalah penting untuk mengurangkan potensi perselisihan di ruang digital (Chin, 2017).

Selain itu, kempen kesedaran siber yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi juga memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat mengenai bahaya penyebaran maklumat palsu dan fitnah dalam talian. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang etika digital dan kepentingan tanggungjawab dalam setiap perkongsian maklumat. Sebagai contoh, kempen 'Think Before You Share' menekankan kepentingan menyemak kesahihan maklumat sebelum menyebarkannya kepada orang lain (Ghani & Awang, 2017).

Perpaduan Sosial melalui Aktiviti Komuniti

Selain pendidikan dan media sosial, komuniti setempat juga berperanan penting dalam memupuk perpaduan. Kepelbagaian aktiviti yang dijalankan di peringkat komuniti membolehkan masyarakat saling berinteraksi dan mengenali antara satu sama lain, sekali gus mengurangkan prejudis dan mencegah salah faham antara kaum. Inisiatif seperti Program Rukun Tetangga serta aktiviti gotong-royong antara pelbagai etnik dan agama telah terbukti berkesan dalam membina hubungan yang erat antara komuniti berbeza (Amat et al., 2014).

Sebagai contoh, aktiviti seperti majlis rumah terbuka bagi perayaan Hari Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali boleh dianjurkan di kawasan perumahan yang terdiri daripada kepelbagaian kaum bagi merapatkan jurang sosial dan budaya yang berbeza. Aktiviti-aktiviti ini memberi peluang kepada masyarakat untuk saling mengenali budaya dan agama masing-masing dalam suasana yang harmoni dan penuh pengertian (Hamayotsu, 2015). Kajian menunjukkan bahawa interaksi di antara kaum yang kerap dan bermakna dapat membantu mengatasi stereotaip serta menghapuskan prasangka negatif (Heng, 2017).

Selain itu, komuniti juga boleh melibatkan diri dalam aktiviti sukarela yang melibatkan pelbagai kaum, seperti program bantuan masyarakat dan perkhidmatan komuniti. Penglibatan ini bukan sahaja meningkatkan hubungan antara individu daripada latar belakang etnik yang berbeza, tetapi juga

memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya kolaborasi untuk kesejahteraan bersama (Aljunied, 2019).

Asas Kesejahteraan

Secara keseluruhannya, masyarakat memikul peranan penting dalam memastikan keharmonian negara, terutamanya dalam konteks isu-isu 3R yang sensitif. Pendidikan sosial, penggunaan media sosial secara bertanggungjawab, dan penglibatan aktif dalam aktiviti perpaduan di peringkat komuniti adalah langkah-langkah yang berkesan untuk mengekalkan hubungan baik antara kaum dan agama di Malaysia. Tanggungjawab ini perlu dipandang serius oleh setiap individu kerana perpaduan negara tidak akan tercapai tanpa sumbangan aktif dan kesedaran dari setiap pihak. Menurut kajian Meerangani et al. (2024), sikap proaktif dalam membina keharmonian antara kaum dan kesedaran mengenai kepentingan perpaduan dapat memastikan kestabilan serta kesejahteraan negara untuk jangka masa panjang.

INISIATIF KERAJAAN MEMPERKUKUH KEHARMONIAN SOSIAL

Kerajaan memainkan peranan penting dalam memastikan keharmonian melalui pelaksanaan Rukun Negara dan penguatkuasaan undang-undang. Agensi kerajaan juga aktif menjalankan program kesedaran untuk menggalakkan nilai toleransi dan perpaduan. Semua usaha ini bertujuan membentuk masyarakat yang bersatu dan harmoni.

Penerapan Prinsip Rukun Negara


Kerajaan Malaysia memainkan peranan yang signifikan dalam mengekalkan perpaduan kaum dan agama serta melindungi kedaulatan institusi diraja melalui pelbagai dasar dan undang-undang. Di negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan agama, pendekatan yang berhati-hati diperlukan untuk menguruskan hubungan antara komuniti yang berbeza. Salah satu elemen teras yang diterapkan oleh kerajaan adalah Rukun Negara yang diperkenalkan sebagai panduan moral dan falsafah kebangsaan bagi rakyat Malaysia. Lima prinsip Rukun Negara, termasuk Kesetiaan kepada Raja dan Negara serta Kesopanan dan Kesusilaan memberikan kerangka asas bagi kehidupan berharmoni serta menanamkan nilai-nilai yang menggalakkan penghormatan terhadap kepelbagaian kaum dan agama (Ahmad, 2019).

Rukun Negara diperkenalkan pada tahun 1970 sebagai reaksi kepada rusuhan kaum 13 Mei 1969 bertujuan memupuk perpaduan dan toleransi antara kaum serta agama di Malaysia. Nilai-nilai yang terkandung dalam Rukun Negara bukan sahaja ditujukan kepada aspek politik dan sosial, tetapi juga merangkumi penghormatan terhadap institusi diraja sebagai simbol kestabilan dan perpaduan negara (Hamayotsu, 2015). Melalui pendidikan dan kempen kesedaran, kerajaan menggalakkan penerapan prinsip ini untuk meningkatkan persefahaman dan keharmonian antara kaum. Inisiatif merupakan langkah proaktif kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan sosial dalam konteks masyarakat yang berbilang kaum dan agama (Aljunied, 2019).

Penguatkuasaan Undang-undang

Selain Rukun Negara, kerajaan turut menekankan undang-undang sebagai alat mencegah sebarang kenyataan atau tindakan yang boleh menjejaskan perpaduan. Akta Hasutan 1948 merupakan salah satu undang-undang utama yang diperkenalkan sejak zaman penjajahan British dan terus digunakan selepas merdeka. Akta ini berfungsi untuk menangani isu-isu yang boleh mencetuskan ketegangan kaum dan agama, termasuk penghinaan terhadap institusi diraja. Penguatkuasaan undang-undang ini sering kali menjadi instrumen yang penting dalam menjaga keharmonian, terutama sekali dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum dan agama (Ismail, 2018).


Sebagai contoh, pada tahun 2019, beberapa individu ditahan di bawah Akta Hasutan kerana menghina institusi diraja melalui media sosial. Kes seperti ini menunjukkan bagaimana kerajaan menggunakan undang-undang untuk melindungi kedudukan raja-raja Melayu, yang dianggap sebagai simbol perpaduan dan kestabilan politik di Malaysia (Chin, 2017). Walaupun undang-undang ini dikritik kerana dianggap mengongkong kebebasan bersuara, ia tetap dianggap sebagai alat penting untuk mengekalkan keharmonian di negara ini. Di samping Akta Hasutan, kerajaan turut menguatkuasakan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi mengawal penyebaran maklumat palsu dan kenyataan provokatif di platform media sosial, yang berpotensi mencetuskan ketegangan antara kaum (Hamayotsu, 2015).



Rajah 3. Proses penguatkuasaan Akta Hasutan 1948 dalam menangani isu 3R. sumber (Ismail, 2018).

Penekanan Aktiviti Kemasyarakatan di bawah Seliaan Badan Kerajaan

Selain penguatkuasaan undang-undang, kerajaan turut memperkenalkan pelbagai inisiatif perpaduan sosial yang bertujuan menggalakkan interaksi antara kaum dan agama. Program Rukun Tetangga misalnya di bawah seliaan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bertujuan membentuk komuniti setempat yang lebih bersatu melalui aktiviti sosial, seperti gotong-royong dan majlis perayaan. Program ini berperanan sebagai wadah bagi penduduk setempat untuk saling mengenali dan berinteraksi dalam suasana harmoni, sekaligus mengurangkan prasangka dan stereotaip negatif antara kaum (Ghani & Awang, 2017).



Rajah 4. Contoh aktiviti yang dianjurkan melalui Program Rukun Tetangga untuk memupuk perpaduan kaum. Sumber (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2019).

Aktiviti-aktiviti seperti majlis rumah terbuka sempena Hari Raya, Tahun Baru Cina, dan Deepavali yang dianjurkan oleh Rukun Tetangga di kawasan perumahan berbilang kaum terbukti berjaya merapatkan hubungan antara penduduk. Majlis seperti ini memberi peluang kepada masyarakat untuk berkongsi pengalaman budaya mereka serta memahami perayaan agama lain dalam suasana mesra (Ahmad, 2019). Selain itu, Rukun Tetangga berfungsi sebagai satu bentuk pendidikan sosial yang melibatkan semua peringkat umur, menggalakkan nilai-nilai perpaduan dan saling menghormati yang penting dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai (Hamayotsu, 2015).

Pelaksanaan DEB

Selain inisiatif sosial, kerajaan juga melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 sebagai usaha untuk menyusun semula struktur ekonomi negara dan mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. DEB mengurangkan jurang sosioekonomi antara kaum Bumiputera dan bukan Bumiputera dengan tujuan menghapuskan ketidakadilan ekonomi yang telah lama wujud akibat dasar penjajahan (Shamsul, 2014). Walaupun dasar ini mendapat kritikan kerana dianggap memberikan kelebihan kepada Bumiputera, ia tetap dianggap sebagai langkah penting untuk mencapai kestabilan dan keharmonian jangka panjang dengan mengurangkan jurang ekonomi yang menjadi salah satu sumber ketegangan kaum.

DEB merupakan usaha kerajaan untuk memastikan setiap kaum mendapat peluang sama rata dalam bidang ekonomi dan pada masa yang sama mengekalkan keseimbangan sosioekonomi antara kaum. Dengan dasar ini, kerajaan berharap dapat meminimakan konflik yang berpunca daripada ketidaksamaan ekonomi serta menggalakkan perpaduan nasional dalam jangka panjang (Meerangani et al., 2024).

Hala tuju Menyeluruh Pihak Kerajaan

Kerajaan Malaysia memainkan peranan yang proaktif dalam memastikan keharmonian melalui pelbagai dasar, undang-undang dan inisiatif. Dari segi ideologi, Rukun Negara menjadi panduan utama untuk perpaduan nasional, manakala Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia bertindak sebagai pengawal kepada sebarang tindakan atau kenyataan yang boleh menggugat keharmonian. Di samping itu, program perpaduan seperti Rukun Tetangga dan dasar ekonomi seperti DEB adalah contoh langkah-langkah praktikal yang diambil untuk membina masyarakat yang lebih bersatu padu. Dengan pendekatan menyeluruh yang melibatkan undang-undang, pendidikan, dan interaksi sosial, kerajaan terus berusaha memastikan keharmonian kaum, agama, dan kedaulatan diraja di Malaysia (Heng, 2017).

CABARAN DAN ISU 3R: ANCAMAN KEHARMONIAN KAUM DI MALAYSIA

Malaysia, sebuah negara yang berbilang kaum, agama, dan budaya, sering berhadapan dengan cabaran berkaitan isu 3R. Isu-isu ini boleh mengancam keharmonian antara kaum dan mengganggu kestabilan sosial negara.

Dilema Antara Kebebasan Bersuara dan Sensitiviti Isu 3R

Walaupun Akta Hasutan 1948 bertujuan untuk mengawal kenyataan dan tindakan yang menyentuh isu-isu sensitif seperti kaum, agama dan institusi diraja (3R), pelaksanaannya sering kali menghadapi cabaran yang rumit, terutama sekali dalam konteks kebebasan bersuara. Salah satu dilema utama ialah menjaga sensitiviti isu 3R sambil menghormati hak kebebasan bersuara yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kebebasan bersuara, walaupun dianggap hak asasi, mempunyai batasan yang perlu dipertimbangkan dalam konteks negara yang berbilang kaum seperti Malaysia (Ahmad, 2019).

Di satu pihak, penyokong Akta Hasutan menegaskan bahawa undang-undang ini penting untuk mengekalkan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang etnik dan agama. Mereka berhujah bahawa tanpa kawalan yang ketat, kenyataan yang menghina atau memperlekehkan institusi diraja dan

agama lain boleh mencetuskan ketegangan yang mendalam, terutama apabila isu-isu ini menjadi viral di media sosial (Hamayotsu, 2015). Dengan adanya sejarah ketegangan etnik di Malaysia, tindakan tegas terhadap kenyataan berunsur hasutan dilihat sebagai langkah pencegahan yang berkesan untuk memastikan kestabilan negara.

Namun, pengkritik Akta Hasutan sering kali menyuarakan kebimbangan bahawa undang-undang ini digunakan secara selektif dan bertujuan untuk menyekat kebebasan bersuara. Mereka berpendapat bahawa terdapat kecenderungan untuk mengekang pandangan kritikal terhadap kerajaan atau institusi tertentu. Contohnya, beberapa kes melibatkan individu yang memberikan komen politik atau kritikan terhadap isu-isu tertentu yang ditahan di bawah Akta Hasutan, walaupun kenyataan tersebut tidak semestinya berbentuk hasutan yang mengancam keselamatan negara (Lee, 2021). Situasi ini menimbulkan persoalan mengenai keseimbangan yang wajar antara melindungi keharmonian sosial dan memberikan ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pendapat mereka secara bebas.

Dalam konteks ini, pelaksanaan Akta Hasutan memerlukan pendekatan yang lebih berhati-hati agar tidak dilihat sebagai instrumen untuk menekan kebebasan bersuara. Terdapat keperluan untuk mekanisme yang lebih telus dan adil dalam pelaksanaannya bagi memastikan bahawa tindakan yang diambil adalah bertepatan dengan ancaman sebenar terhadap keharmonian sosial. Persepsi bahawa undang-undang ini digunakan secara berlebihan boleh mencetuskan rasa tidak puas hati dan melemahkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan (Chin, 2017).

Sensitiviti Kepelbagaian Agama dan Budaya

Cabaran menjaga sensitiviti 3R juga ialah kepelbagaian budaya dan agama yang wujud di Malaysia. Kepelbagaian ini menjadikan usaha untuk menyatukan rakyat dalam satu platform harmoni amat mencabar kerana setiap kumpulan etnik dan agama mempunyai nilai, adat, dan kepercayaan yang berbeza. Dalam konteks negara berbilang agama, perbezaan pendapat dalam isu-isu tertentu kerap kali mencetuskan kontroversi dan cabaran besar dalam menguruskan perpaduan (Shamsul, 2014).

Contoh yang menonjol ialah perdebatan mengenai penggunaan kalimah "Allah" oleh bukan Muslim. Kontroversi ini melibatkan penolakan oleh sesetengah pihak Muslim terhadap penggunaan kalimah tersebut oleh penganut Kristian, khususnya dalam kitab suci mereka. Bagi penganut Kristian, penggunaan kalimah "Allah" adalah sebahagian daripada amalan agama mereka, terutama di kalangan masyarakat di Sabah dan Sarawak di mana bahasa Melayu digunakan sebagai medium harian (Musa, 2017). Konflik ini menggambarkan betapa sukarnya mencari titik persetujuan apabila isu agama dibincangkan secara terbuka dalam masyarakat berbilang agama.

Perdebatan mengenai kalimah "Allah" menonjolkan cabaran kerajaan dalam menyeimbangkan hak penganut agama lain di bawah perlembagaan sambil menjaga sensitiviti umat Islam sebagai majoriti penduduk. Walaupun kerajaan telah cuba mengawal isu ini dengan beberapa peraturan, penyelesaian sepenuhnya masih sukar dicapai, memperlihatkan bagaimana kepelbagaian agama di Malaysia kadang-kala menjadi cabaran bagi usaha perpaduan (Hamayotsu, 2013).

Kurang kesedaran Sosial dan Dialog Antara Agama

Kurangnya kesedaran sosial dan dialog antara agama juga menyumbang kepada ketegangan dalam isu 3R. Masyarakat cenderung melihat isu-isu sensitif dari perspektif mereka sendiri tanpa mempertimbangkan pandangan atau kepercayaan kumpulan lain. Ketiadaan dialog antara agama yang efektif menyebabkan salah faham dan ketidakpercayaan yang sering kali diperbesar melalui media sosial (Ghani & Awang, 2017).

Dalam konteks ini, kerajaan dan masyarakat perlu berganding bahu dalam menggalakkan dialog yang terbuka antara agama untuk mengatasi salah faham dan memperkukuh perpaduan. Inisiatif seperti Majlis Perundingan Keharmonian Nasional dan program perpaduan boleh diperluas untuk melibatkan lebih ramai individu dari pelbagai latar belakang. Usaha-usaha ini bukan sahaja dapat mengurangkan

ketegangan tetapi juga membantu membina asas yang kukuh untuk keharmonian nasional (Aljunied, 2019).

Cabaran mengekalkan keseimbangan kaum

Secara keseluruhannya, pelaksanaan undang-undang seperti Akta Hasutan dalam konteks isu 3R di Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran utama termasuk keseimbangan antara kebebasan bersuara dan sensitiviti isu kaum, agama, serta institusi diraja. Di samping itu, kepelbagaian budaya dan agama di Malaysia menjadikan usaha menyatukan rakyat di bawah satu platform yang harmoni agak sukar dicapai. Isu-isu seperti perdebatan mengenai kalimah "Allah" menonjolkan perbezaan pemahaman agama yang wujud, manakala kurangnya dialog antara agama menghalang usaha memperkukuh perpaduan. Dalam usaha mencapai keharmonian yang berkekalan, pendekatan yang lebih inklusif melalui dialog terbuka perlu diperkuatkan bagi mengatasi cabaran-cabaran ini (Lee, 2021; Musa, 2017).

INISIATIF KE ARAH KEHARMONIAN BERTERUSAN

Usaha untuk memastikan keharmonian dalam masyarakat yang berbilang kaum dan agama memerlukan kerjasama antara semua pihak. Pendidikan, kesedaran sosial, dan penguatkuasaan undang-undang merupakan elemen penting dalam mengekalkan perpaduan dan kestabilan negara. Dengan pendekatan yang inklusif dan responsif, masyarakat dapat hidup bersama dalam suasana yang aman dan harmoni.

Penambahbaikan Undang-Undang Berkaitan dengan Isu 3R

Untuk memastikan keharmonian negara berterusan dalam menangani isu sensitif melibatkan 3R, penambahbaikan undang-undang yang berkaitan amat penting. Akta Hasutan 1948, walaupun relevan, memerlukan pemurnian supaya pelaksanaannya lebih telus, adil, dan tidak mengekang kebebasan bersuara yang dijamin oleh Perlembagaan Malaysia (Lee, 2021).

Kerajaan boleh memperkenalkan penyelarasan undang-undang untuk melindungi keharmonian sosial tanpa mengabaikan hak rakyat untuk bersuara. Misalnya, garis panduan yang lebih spesifik diperlukan bagi menentukan batas kenyataan yang dianggap hasutan atau perkauman, tanpa menghalang perbincangan yang konstruktif. Mekanisme penguatkuasaan undang-undang juga perlu bersikap adil dengan memastikan tindakan diambil terhadap semua pihak tanpa mengira latar belakang politik atau etnik. Pendekatan yang adil dan telus ini dapat meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap sistem keadilan dan menyokong perpaduan negara (Lee, 2021).

Pelaksanaan Program Berbentuk Dialog

Dialog antara kaum dan agama yang lebih terbuka merupakan usaha penting dalam mengatasi salah faham dan mengurangkan ketegangan yang timbul akibat isu-isu sensitif. Inisiatif seperti Majlis Perundingan Islam dan Majlis Perpaduan Negara adalah contoh platform yang efektif dan boleh diperluaskan untuk melibatkan lebih banyak komuniti dalam perbincangan isu-isu sensitif secara aman dan konstruktif (Anuar, 2020).

Majlis-majlis ini dapat memainkan peranan penting dalam membincangkan perbezaan budaya dan agama yang unik di Malaysia. Dialog yang melibatkan pelbagai pihak termasuk pemimpin agama, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta wakil sektor swasta dan awam boleh membantu mencapai penyelesaian yang lebih holistik. Dengan melibatkan pelbagai suara dari lapisan masyarakat, perbincangan ini bukan sahaja mencegah ketegangan tetapi juga membina dasar yang kuat untuk perpaduan bagi tempoh jangka panjang (Ghani & Awang, 2017).

Pendidikan sebagai Medium Meningkatkan Pemahaman

Sistem pendidikan perlu memberi penekanan yang lebih kepada perpaduan dan menghormati kepelbagaian budaya di Malaysia. Melalui kurikulum yang memperkenalkan sejarah hubungan antara kaum serta peranan institusi diraja, generasi muda dapat memahami pentingnya keharmonian sosial dan menghargai sumbangan setiap kumpulan dalam membina negara (Ahmad, 2019).

Subjek seperti Pendidikan Sivik dan Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam memupuk nilai hormat-menghormati antara kaum dan agama. Aktiviti ko-kurikulum yang menggalakkan interaksi antara pelajar berbilang kaum juga boleh diperluaskan, contohnya melalui pertandingan sukan antara sekolah atau program-program kemasyarakatan. Aktiviti ini membantu memupuk semangat perpaduan di kalangan generasi muda, menjadikan mereka lebih terbuka terhadap perbezaan budaya dan agama (Aljunied, 2019).

Penggunaan Media Sosial Secara Beretika

Platform-platform digital seperti Facebook, Twitter, dan TikTok perlu lebih aktif dalam menghalang penyebaran kandungan yang berunsur hasutan atau penghinaan agama. Kerjasama antara kerajaan dan syarikat teknologi untuk menapis kandungan yang berpotensi menggugat keharmonian sosial boleh menjadi salah satu langkah efektif. Program pendidikan mengenai etika media sosial juga perlu diperkenalkan di kalangan generasi muda bagi membantu mereka memahami kesan negatif penyebaran maklumat palsu (Chin, 2017).

Penganjuran Program Komuniti Berbentuk Kesukarelawanan

Program komuniti yang melibatkan aktiviti kesukarelawanan adalah salah satu cara yang efektif untuk membina perpaduan di kalangan rakyat pelbagai etnik dan agama. Program seperti Program Rukun Tetangga yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dapat diperluaskan untuk melibatkan lebih banyak komuniti dari pelbagai latar belakang (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, 2019).

Melalui aktiviti seperti gotong-royong, majlis perayaan, dan projek komuniti, interaksi yang lebih erat antara rakyat dapat dipupuk. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja mempereratkan hubungan sosial tetapi juga membina semangat kerjasama dan persefahaman antara rakyat. Program kesukarelawanan yang melibatkan kerjasama antara kaum membantu rakyat memahami bahawa mereka boleh bekerja bersama untuk mencapai matlamat yang sama dan mengatasi perbezaan mereka (Meerangani et al., 2024).

Usaha Berterusan Semua Pihak

Untuk memastikan keharmonian berterusan dalam menangani isu 3R di Malaysia, penambahbaikan undang-undang, peningkatan dialog antara kaum dan agama, serta peranan pendidikan adalah sangat penting. Penggunaan media sosial secara bijak dan program komuniti yang memperkukuh interaksi antara etnik juga dapat membantu mengatasi cabaran-cabaran yang wujud. Langkah-langkah ini bukan sahaja berupaya menangani isu-isu sensitif tetapi juga membantu membina asas yang kukuh untuk keharmonian berpanjangan di Malaysia (Ahmad, 2019; Lee, 2021); Anuar, 2020).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, memastikan keharmonian dalam konteks isu 3R adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan penglibatan dan komitmen aktif daripada masyarakat dan kerajaan. Setiap pihak memainkan peranan penting dalam mengekalkan keharmonian sosial, di mana masyarakat bertanggungjawab untuk peka terhadap sensitiviti perbezaan kaum dan agama serta menghormati institusi diraja yang menjadi lambang perpaduan dan kestabilan negara. Melalui pendidikan yang menyemai nilai-nilai perpaduan sejak dari peringkat awal, masyarakat dapat membentuk generasi muda

yang lebih terbuka dan menghargai kepelbagaian budaya, sekaligus mengukuhkan asas perpaduan nasional (Ahmad, 2019).

Di pihak kerajaan, dasar-dasar dan undang-undang seperti Akta Hasutan 1948 dan inisiatif perpaduan seperti Program Rukun Tetangga perlu sentiasa disemak dan diperbaharui supaya relevan dengan cabaran yang dihadapi dalam konteks moden. Keperluan untuk memastikan pelaksanaan undang-undang yang adil dan seimbang tanpa menghalang kebebasan bersuara yang dijamin oleh perlembagaan adalah kritikal dalam mencapai keseimbangan antara menjaga keharmonian dan memberikan ruang kepada rakyat untuk menyuarakan pandangan mereka. Inisiatif dialog antara kaum dan platform seperti Majlis Perundingan Islam dan Majlis Perpaduan Negara berfungsi sebagai wadah yang berkesan dalam menangani isu-isu sensitif secara terbuka dan damai, menyediakan peluang kepada pelbagai komuniti untuk berdialog dan menyelesaikan perbezaan secara harmoni (Anuar, 2020).

Keberhasilan dalam memelihara keharmonian 3R adalah bergantung kepada kerjasama erat antara masyarakat dan kerajaan. Masyarakat perlu mengambil tanggungjawab untuk mengawal diri serta menghormati perbezaan budaya dan agama, manakala kerajaan pula bertanggungjawab untuk menggalakkan perpaduan melalui dasar-dasar yang lebih inklusif dan adil. Dengan gabungan usaha ini, Malaysia dapat terus berkembang sebagai negara yang stabil, di mana kepelbagaian etnik dan agama bukan sahaja dilihat sebagai cabaran tetapi juga kekuatan yang menyatukan rakyat. Kesepakatan dan kerjasama antara semua pihak ini adalah penting untuk memastikan bahawa kepelbagaian ini kekal menjadi aset negara, bukan punca perpecahan (Shamsul, 2014).

Melalui pendekatan yang menyeluruh, usaha berterusan daripada pelbagai pihak, serta komitmen kolektif untuk menjaga keharmonian, Malaysia akan terus maju sebagai sebuah negara yang mewakili perpaduan dalam kepelbagaian. Kejayaan ini juga dapat menjadi contoh kepada negara-negara lain yang menghadapi cabaran yang sama dalam menguruskan hubungan etnik, agama, dan institusi pemerintahan mereka. Dengan mengangkat perbezaan sebagai kekuatan, Malaysia dapat melangkah ke hadapan sebagai sebuah negara yang harmoni dan stabil, mencerminkan aspirasi rakyat yang bersatu dalam kepelbagaian (Musa, 2017).

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap UiTM Cawangan Melaka dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan kajian ini,

PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa tiada pertembungan kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS BERSAMA

Nur Syafiqah Sallehudin berperanan merangka idea utama, menentukan skop penulisan, dan menyusun struktur artikel secara keseluruhan. Syahrul Haizat Azizan menyumbang kepada kajian literatur, mengumpul dan menganalisis sumber-sumber rujukan berkaitan dengan topik perbincangan. Zulkarnain Musa dan Muhammad Ariffuddin Mahmud mengupas isu semasa dan permasalahan awam berkaitan dengan topik di Malaysia. Noor Aziera Mohamad Rohana menyumbang kepada penyuntingan akhir dan memastikan artikel dilengkapkan dengan sempurna sebelum diterbitkan oleh jurnal.

DEKLARASI PENGGUNAAN AI

Pengarang mengisytiharkan bahawa AI generatif tidak digunakan dalam penghasilan artikel ini, kecuali bagi tujuan pengolahan semula teks (*paraphrasing*) dan semakan silang rujukan. Penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap ketepatan, integriti, dan kandungan akhir karya ini.

PERNYATAAN ETIKA PENYELIDIKAN

Pengarang mengisytiharkan bahawa kajian ini tidak melibatkan sebarang, sampel atau data biologi manusia dan haiwan. Justeru, kelulusan dan kebenaran jawatankuasa etika tidak berkait dengan kajian ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data-data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada Pengarang koresponden berdasarkan permintaan yang munasabah, tertakluk kepada keperluan institusi dan pertimbangan etika yang berkenaan.

RUJUKAN

Ahmad, N. (2019). Civic and Moral Education: A Framework for Cultural Understanding and Unity in Malaysia. *Journal of Social and Cultural Studies*.

Aljunied, K. (2019). Islam in Malaysia: An entwined history.

Amat, M. K., Ismail, N., & Senin, N. (2014). Factors Contributing to Religious Sensitivity Issues: Malaysian Religious Leaders' Perspective. *International Journal of Humanities and Social Science.*

Anuar, S. (2020). Promoting Interfaith Dialogue in Malaysia: Approaches and Challenges. *Journal of Southeast Asian Studies*.

Chin, J. (2017). History and context of public administration in Malaysia. *Public administration in Southeast Asia.*

Ghani, R. A., & Awang, J. (2017). A review on writings on religious tolerance in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought.*

Hamayotsu, K. (2013). Negotiating the Boundaries of Religious Pluralism in Malaysia: Contradictions in Legal and Political Practices. *Journal of Southeast Asian Studies.*

Hamayotsu, K. (2015). Democracy and religious pluralism in Southeast Asia: Indonesia and Malaysia compared. *Key Issue in Religion and World Affairs.*

Heng, M. S. (2017). A study of nation building in Malaysia. East Asia. https://doi.org/10.1007/s12140-017-9275-0

Ismail, S. (2018). Penggunaan Akta Hasutan dalam menangani isu perkauman di Malaysia. *Jurnal Perundangan Malaysia 24(1), 100-115.*

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2019). *Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Laporan Program Rukun Tetangga.* Retrieved from the Nasional, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi website.

Lee, S. (2021). The Sedition Act in Malaysia: A Critical Analysis. *Asian Journal of Law and Society.*

Meerangani, K. A., Hamid, M. F., & Abd, N. A. (2024). The Influence of 3R (Race, Religion, Royalty) on the Harmony of Society in the Digital Era. *International Journal of Research.*

Musa, M. (2017). The Allah Controversy in Malaysia: A Case Study of Religious Tolerance and Freedom of Expression. *Journal of Islamic Studies.*

Rahman, S. (2016). Media sosial dan kesan terhadap perpaduan kaum di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Sosial*, 9(1), 21-32.

Shamsul, A. (2014). Membina bangsa Malaysia: Isu perpaduan dalam masyarakat majmuk. *Kajian Malaysia 32(1) 25-39*.

© 2025 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).